

Ruj. Kami : UMPSA.100-1/3/1 (18)
Tarikh : 3 Julai 2025

SENARAI EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 5 TAHUN 2025 MENGENAI KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA KE LUAR NEGERI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 5 Tahun 2025 mengenai Kemudahan Tambang Percuma Ke Luar Negeri di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2025 bertarikh 30 Mei 2025 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi Unit Perkhidmatan dan Kebajikan, Pusat Pengurusan Bakat, Jabatan Pendaftar:

Pn. Yusmaliza Kamela binti Mohamed Ali
Pegawai Tadbir / Eksekutif
Tel : 09-431 6363
E-mel : liza@umpsa.edu.my

Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL SHUKUR BIN ISHAK)
Pengarah Kanan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Senarai Edaran

1. YBhg. Profesor Dr. Yatimah binti Alias
Naib Canselor
2. YH Dato' Zainudin bin Othman
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan



PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL.5 TAHUN 2025

MENERIMA PAKAI PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA : PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2024 KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA KE LUAR NEGERI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan serta melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2024 berkenaan Kemudahan Tambang Percuma Ke Luar Negeri di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

LATAR BELAKANG

- 2.0 Kemudahan Tambang Percuma Ke Luar Negeri (TPKLN) bagi pegawai Gred Utama A dan Ke tas, Gred Khas A serta yang setaraf mula diperuntukkan sejak 1 Julai 1980. Penambahbaikan ke atas peraturan telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2000.
- 3.0 Universiti Malaysia Pahang telah menerima pemakaian pekeling ini melalui Pekeliling Pentadbiran UMP Bilangan 9 Tahun 2011 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010.
- 4.0 Pada masa ini, peraturan pemberian kemudahan TPKLN dilaksanakan melalui Pekeliling Bilangan 5 Tahun 2015. Selaras dengan prinsip-prinsip perkhidmatan dan saaran yang berkuat kuasa serta mengambil kira isu-isu berbangkit mengenai pelaksanaannya, peraturan TPKLN dikemas kini melalui Pekeliling Perkhidmatan ini.

PELAKSANAAN

- 5.0 Selaras dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2024: Kemudahan Tambang Percuma Ke Luar Negeri, pemberian kemudahan ditambah baik seperti berikut:

PERKARA	PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 6 TAHUN 2024
Syarat dan Kelayakan	Pegawai berikut layak diberi kemudahan TPKLN: <ul style="list-style-type: none">i. Pegawai lantikan tetap di Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A dan ke atas; atauii. Pegawai yang sedang memangku/ dipinjamkan/ ditukar sementara di Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A dan ke atas.
	Pegawai layak kemudahan TPKLN setelah melaksanakan tugas selama 28 hari berturut-turut di gred/pangkat yang melayakkan kemudahan ini. Tempoh 28 hari berturut-turut tersebut adalah termasuk cuti rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Dalam mengambil tempoh ini, pegawai boleh mengambil cuti rehat atau cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada lima (5) hari bekerja.
	Tertakluk kepada perenggan di atas, bagi pegawai yang dalam tempoh pemangkuan/ peminjaman/ tukar sementara di mana gred hakikinya lebih rendah, kemudahan TPKLN diberi kepada pegawai semasa dalam tempoh pemangkuan/ peminjaman/ tukar sementara.
	Kemudahan TPKLN diberi sekali dalam tempoh lima (5) tahun perkhidmatan yang melayakkan. Perkhidmatan yang melayakkan bermaksud tempoh perkhidmatan tetap, pemangkuan dan peminjaman/ tukar sementara di kenaikan pangkat di Gred Utama A dan ke atas dan Gred Khas A dan ke atas.
	Kelayakan seterusnya bermula selepas genap tempoh lima (5) tahun perkhidmatan yang melayakkan.

PERKARA	PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 6 TAHUN 2024								
	<p>Pegawai yang layak diberi kemudahan TPKLN untuk ahli keluarganya terhad kepada berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. pasangan pegawai (seorang isteri atau suami); dan ii. maksimum tiga (3) orang anak yang berstatus bujang, di bawah umur 21 tahun dan masih dalam tanggungan pegawai semasa permohonan dikemukakan. Anak bermaksud anak kandung, anak tiri anak angkat <i>de facto</i> atau anak angkat yang diambil secara sah mengikut undang-undang. Bagi anak daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani (yang tidak mampu menjaga diri sendiri) had umur tersebut tidak terpakai. 								
<p>Kaedah dan Kadar</p>	<p>Pegawai boleh memilih salah satu daripada kaedah kemudahan TPKLN seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. dalam bentuk tiket penerbangan yang tidak melebihi had tambang penerbangan Kuala Lumpur ke London pergi dan balik (KL-London-KL) tertakluk kepada: <ul style="list-style-type: none"> (a) tambang Kelas Satu/setara bagi pegawai dan isteri/suami; dan (b) tambang Kelas Ekonomi/setara bagi anak. <p>Atau</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. dalam bentuk wang gantian dengan kadar berikut: <table border="1" data-bbox="600 1301 1406 1464"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Kadar Seorang (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pegawai</td> <td>32,000.00</td> </tr> <tr> <td>Isteri/Suami</td> <td>32,000.00</td> </tr> <tr> <td>Anak (maksimum 3 orang)</td> <td>6,000.00</td> </tr> </tbody> </table> <p>Sekiranya pegawai memilih untuk membuat tuntutan kemudahan TPKLN, bagi situasi di mana pasangan pegawai juga turut layak diberikan kemudahan tersebut dan telah membuat tuntutan termasuk pasangan dan anak, pemberian Kemudahan TPKLN yang layak diberikan adalah berdasarkan kadar pegawai sahaja.</p>	Kategori	Kadar Seorang (RM)	Pegawai	32,000.00	Isteri/Suami	32,000.00	Anak (maksimum 3 orang)	6,000.00
Kategori	Kadar Seorang (RM)								
Pegawai	32,000.00								
Isteri/Suami	32,000.00								
Anak (maksimum 3 orang)	6,000.00								
<p>Peraturan Pemberian TPKLN</p>	<p>Kemudahan TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan hendaklah digunakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan yang melayakkan. Ahli keluarga boleh menggunakan kemudahan tiket penerbangan secara berasingan untuk mengikut pegawai semasa pegawai</p>								

PERKARA	PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 6 TAHUN 2024
	<p data-bbox="603 259 1455 340">menjalankan tugas rasmi atau menghadiri kursus di luar negeri.</p> <p data-bbox="603 362 1455 510">Had tambang tiket penerbangan ialah berasaskan kepada harga tambang pasaran semasa (<i>market fare</i>) penerbangan KL-London-KL yang ditetapkan oleh syarikat <i>Malaysia Airlines Berhad</i>.</p> <p data-bbox="603 555 1455 810">Bagi perjalanan ke destinasi yang tambang penerbangannya kurang daripada had tambang yang dinyatakan di perenggan di atas, hanya harga tambang pasaran <i>market fare</i> ke destinasi tersebut boleh diluluskan. Sebaliknya, jika tambang penerbangan melebihi had yang ditetapkan, pegawai hendaklah menanggung sendiri perbezaan tambang yang lebih itu.</p> <p data-bbox="603 855 1455 1115">Pegawai boleh memilih untuk membeli tiket penerbangan yang lebih murah dengan menurunkan kelas penerbangan, membeli tiket dengan harga promosi, atau membeli pakej pelancongan dengan harga yang lebih murah berbanding had tambang. Dalam keadaan ini pegawai boleh dibayar perbezaan harga tambang <i>market fare</i> dengan harga pembelian seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="651 1160 1455 1303">i. perbezaan harga tambang <i>market fare</i> bagi destinasi sebenar (tidak melebihi had tambang) dengan harga pembelian tiket penerbangan/ pakej pelancongan yang lebih murah; <li data-bbox="651 1348 1455 1563">ii. sekiranya tambang <i>market fare</i> bagi destinasi sebenar adalah melebihi had tambang, maka perbezaan yang boleh dibayar ialah perbezaan harga had tambang dengan harga pembelian tiket penerbangan/ pakej pelancongan yang lebih murah berbanding had tambang. <p data-bbox="603 1585 1455 1982">Penggunaan Waran Perjalanan Udara Awam atau Pesanan Tempatan serta penggunaan agen perjalanan/pelancongan hendaklah dilaksanakan sekiranya Jabatan menguruskan pembelian tiket penerbangan atau pakej pelancongan. Penggunaan agen perjalanan pelancongan oleh Jabatan hendaklah mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa. Pegawai juga boleh menguruskan sendiri pembelian tiket penerbangan atau pakej pelancongan dan membuat tuntutan kepada Jabatan terhad kepada had tambang di bawah kemudahan ini.</p>

PERKARA	PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 6 TAHUN 2024
	<p>Pegawai dikehendaki menggunakan perkhidmatan syarikat <i>Malaysia Airlines</i> atau syarikat penerbangan lain yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Bagi destinasi yang tiada perkhidmatan penerbangan oleh <i>Malaysia Airlines</i> atau syarikat penerbangan lain yang diluluskan oleh Kerajaan, pegawai diberi kebenaran untuk memilih perkhidmatan syarikat penerbangan yang lain tertakluk kepada had tambang.</p>
	<p>Tertakluk kepada syarat, jika pegawai tidak membuat permohonan untuk menggunakan TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan atau gantian wang tunai, pegawai akan diberikan kemudahan TPKLN dalam bentuk gantian wang tunai secara automatik dalam keadaan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="630 828 1457 907">i. mencapai genap setiap lima (5) tahun tempoh perkhidmatan yang melayakkan; atau <li data-bbox="630 940 1457 1019">ii. pegawai bersara wajib/ pilihan/ atas sebab kesihatan/ kepentingan perkhidmatan; atau <li data-bbox="630 1052 1457 1164">iii. pegawai kembali ke gred jawatan hakiki yang lebih rendah apabila tamat tempoh peminjaman/ tukar sementara; atau <li data-bbox="630 1198 1457 1276">iv. pegawai kembali ke gred jawatan hakiki yang lebih rendah apabila tamat tempoh pemangkuhan; atau <li data-bbox="630 1310 1457 1489">v. pegawai meninggal dunia dalam perkhidmatan di mana waris layak menerimanya mengikut kelayakan pegawai pada tarikh kematiannya. Pembayaran kepada waris hendaklah dibuat mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.
	<p>Pembayaran bagi pegawai yang tamat tempoh peminjaman/ tukar sementara/ bersara wajib/ pilihan/ atas sebab kesihatan/ kepentingan perkhidmatan atau meninggal dunia dalam perkhidmatan di mana waris layak menerimanya mengikut kelayakan pegawai pada tarikh kematiannya akan dibuat oleh agensi terakhir pegawai berkhidmat.</p>

TARIKH KUAT KUASA

- 6.0 Tarikh kuat kuasa pemakaian pekeliling perkhidmatan ini mulai 1 Disember 2024

PEMBATALAN

- 7.0 Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Pekeliling Pentadbiran UMP Bilangan 9 Tahun 2011, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2015 dan Surat Edaran JPA rujukan JPA.SARAAN(S)133/8/3 Jld. 14 (29) bertarikh 5 November 2020 dibatalkan.

MAKLUMAT PERTANYAAN

- 8.0 Sebarang pertanyaan berkaitan pekeliling ini, mohon dikemukakan kepada:
Unit Perkhidmatan dan Kebajikan,
Pusat Pengurus Bakat,
Jabatan Pendaftar
E-mel Rasmi : saraan.bsm@umpsa.edu.my

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)


Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 1 Julai 2025

TERHAD

JPA.(S).800-4/2/55 (6)

No. Siri :



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2024

KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA KE LUAR NEGERI

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan pemberian kemudahan Tambang Percuma Ke Luar Negeri (TPKLN) kepada pegawai Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A dan ke atas, serta pegawai yang setaraf dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, peraturan pemberian kemudahan TPKLN dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2015. Selaras dengan prinsip-prinsip perkhidmatan dan saraan yang berkuat kuasa serta mengambil kira isu-isu berbangkit mengenai pelaksanaannya, peraturan TPKLN dikemas kini melalui Pekeliling Perkhidmatan ini.

TERHAD

PELAKSANAAN

Kelayakan

3. Pegawai berikut layak diberi kemudahan TPKLN:
 - i. pegawai lantikan tetap di Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A dan ke atas; atau
 - ii. pegawai yang sedang memangku/dipinjamkan/ditukar sementara di Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A dan ke atas.
4. Pegawai layak kemudahan TPKLN setelah melaksanakan tugas selama **28 hari** berturut-turut di gred/pangkat yang melayakkan kemudahan ini. Tempoh 28 hari berturut-turut tersebut adalah termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Dalam mengambil kira tempoh ini, pegawai boleh mengambil cuti rehat atau cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada lima (5) hari bekerja.
5. Tertakluk kepada perenggan di atas, bagi pegawai yang dalam tempoh pemangkuan/peminjaman/tukar sementara di mana gred hakikinya lebih rendah, kemudahan TPKLN diberi kepada pegawai semasa dalam tempoh pemangkuan/peminjaman/tukar sementara.
6. Kemudahan TPKLN diberi sekali dalam tempoh lima (5) tahun perkhidmatan yang melayakkan. Perkhidmatan yang melayakkan bermaksud tempoh yang bermula dari tarikh pelantikan tetap, kenaikan pangkat, pemangkuan dan peminjaman/tukar sementara di Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A dan ke atas. Contoh tempoh yang melayakkan adalah seperti di **Lampiran A**.
7. Kelayakan seterusnya bermula sehari selepas genap tempoh lima (5) tahun perkhidmatan yang melayakkan.

TERHAD

8. Selain itu, pegawai yang layak diberi kemudahan TPKLN untuk ahli keluarganya terhad kepada berikut:

- i. seorang isteri/suami; dan
- ii. maksimum tiga (3) orang anak yang berstatus bujang, di bawah umur 21 tahun dan masih dalam tanggungan pegawai semasa permohonan dikemukakan. Anak bermaksud anak kandung, anak tiri, anak angkat *de facto* atau anak angkat yang diambil secara sah mengikut undang-undang. Bagi anak daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani (yang tidak mampu menjaga diri sendiri) had umur tersebut tidak terpakai.

Kaedah Dan Kadar

9. Pegawai boleh memilih salah satu daripada kaedah kemudahan TPKLN seperti berikut:

- i. dalam bentuk tiket penerbangan yang tidak melebihi had tambang penerbangan Kuala Lumpur ke London pergi dan balik (KL-London-KL) tertakluk kepada:
 - (a) tambang Kelas Satu/setara bagi pegawai dan isteri/suami; dan
 - (b) tambang Kelas Ekonomi/setara bagi anak.

atau

ii. dalam bentuk gantian wang tunai dengan kadar berikut:

Kategori	Kadar Seorang (RM)
Pegawai	32,000.00
Suami/isteri (seorang sahaja)	32,000.00
Anak (terhad kepada 3 orang)	6,000.00

TERHAD

10. Sekiranya pegawai memilih untuk membuat tuntutan kemudahan TPKLN, bagi situasi di mana pasangan pegawai juga turut layak diberikan kemudahan tersebut dan telah membuat tuntutan termasuk pasangan dan anak, pemberian Kemudahan TPKLN yang layak diberikan adalah berdasarkan kadar pegawai sahaja.

Peraturan Pemberian TPKLN

11. Kemudahan TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan hendaklah digunakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan yang melayakkan. Ahli keluarga boleh menggunakan kemudahan tiket penerbangan secara berasingan untuk mengikuti pegawai semasa pegawai menjalankan tugas rasmi atau menghadiri kursus di luar negeri.

12. Had tambang tiket penerbangan ialah berasaskan kepada harga tambang pasaran semasa (*market fare*) penerbangan KL-London-KL yang ditetapkan oleh syarikat Malaysia Airlines Berhad (*Malaysia Airlines*).

13. Bagi perjalanan ke destinasi yang tambang penerbangannya kurang daripada had tambang yang dinyatakan di perenggan di atas, hanya harga tambang pasaran *market fare* ke destinasi tersebut boleh diluluskan. Sebaliknya, jika tambang penerbangan melebihi had yang ditetapkan, pegawai hendaklah menanggung sendiri perbezaan tambang yang lebih itu.

14. Pegawai boleh memilih untuk membeli tiket penerbangan yang lebih murah dengan menurunkan kelas penerbangan, membeli tiket dengan harga promosi, atau membeli pakej pelancongan dengan harga yang lebih murah berbanding had tambang. Dalam keadaan ini pegawai boleh dibayar perbezaan harga tambang *market fare* dengan harga pembelian seperti berikut:

- i. perbezaan harga tambang *market fare* bagi destinasi sebenar (tidak melebihi had tambang) dengan harga pembelian tiket penerbangan/pakej pelancongan yang lebih murah. Kaedah pengiraan adalah seperti di **Lampiran B**; atau

TERHAD

- ii. sekiranya tambang *market fare* bagi destinasi sebenar adalah melebihi had tambang, maka perbezaan yang boleh dibayar ialah perbezaan harga had tambang dengan harga pembelian tiket penerbangan/pakej pelancongan yang lebih murah berbanding had tambang. Kaedah pengiraan adalah seperti di **Lampiran B**.

15. Penggunaan Waran Perjalanan Udara Awam atau Pesanan Tempatan serta penggunaan agen perjalanan/pelancongan hendaklah dilaksanakan sekiranya Jabatan menguruskan pembelian tiket penerbangan atau pakej pelancongan. Penggunaan agen perjalanan pelancongan oleh Jabatan hendaklah mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa. Pegawai juga boleh menguruskan sendiri pembelian tiket penerbangan atau pakej pelancongan dan membuat tuntutan kepada Jabatan terhadap had tambang di bawah kemudahan ini. Kaedah pengiraan adalah seperti di **Lampiran B**.

16. Pegawai dikehendaki menggunakan perkhidmatan syarikat *Malaysia Airlines* atau syarikat penerbangan lain yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Bagi destinasi yang tiada perkhidmatan penerbangan oleh *Malaysia Airlines* atau syarikat penerbangan lain yang diluluskan oleh Kerajaan, pegawai diberi kebenaran memilih perkhidmatan syarikat penerbangan yang lain tertakluk kepada had tambang di perenggan di atas.

17. Tertakluk kepada syarat, jika pegawai **tidak membuat permohonan untuk menggunakan kemudahan TPKLN** dalam bentuk tiket penerbangan atau gantian wang tunai, pegawai akan diberi kemudahan TPKLN dalam bentuk gantian wang tunai secara automatik dalam keadaan-keadaan berikut:

- i. pegawai itu mencapai genap setiap lima (5) tahun tempoh perkhidmatan yang melayakkan; **atau**
- ii. pegawai itu bersara wajib/pilihan/atas sebab kesihatan/kepentingan perkhidmatan; **atau**
- iii. pegawai itu kembali ke gred jawatan hakiki yang lebih rendah apabila tamat tempoh peminjaman/tukar sementara dan; **atau**

TERHAD

- iv. pegawai itu kembali ke gred jawatan hakiki yang lebih rendah apabila tamat tempoh pemangkuan; atau
- v. pegawai itu meninggal dunia dalam perkhidmatan di mana waris layak menerimanya mengikut kelayakan pegawai pada tarikh kematiannya. Pembayaran kepada waris hendaklah mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Contoh kelayakan adalah seperti di **Lampiran C**.

18. Pembayaran bagi pegawai yang tamat tempoh peminjaman/tukar sementara/bersara wajib/pilihan/atas sebab kesihatan/kepentingan perkhidmatan atau meninggal dunia dalam perkhidmatan di mana waris layak menerimanya mengikut kelayakan pegawai pada tarikh kematiannya akan dibuat oleh agensi terakhir pegawai berkhidmat.

Prosedur Permohonan

19. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang JPA(BGE)/TPKLN seperti di **Lampiran D** kepada Ketua Jabatan.

20. Pihak Berkuasa Melulus adalah seperti berikut:

Pemohon	Pelulus
Ketua Setiausaha Negara	Perdana Menteri
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/Ketua Setiausaha Perbendaharaan/Peguam Negara	Ketua Setiausaha Negara
Ketua Setiausaha Kementerian	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Pegawai di bawah Kementerian/Jabatan/Agensi (selain Jabatan Perdana Menteri)	Ketua Setiausaha Kementerian
Pegawai di bawah Jabatan Perdana Menteri	Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

TERHAD

21. Kelayakan pegawai hendaklah ditentukan melalui status pegawai:
- i. semasa permohonan kemudahan ini dikemukakan; **atau**
 - ii. pada tarikh persaraan pegawai apabila bersara wajib/pilihan/atas sebab kesihatan/kepentingan perkhidmatan; **atau**
 - iii. pada tarikh kematian pegawai apabila meninggal dunia dalam perkhidmatan di mana waris layak menerimanya mengikut kelayakan pegawai pada tarikh kematiannya; **atau**
 - iv. pada tarikh tamat peminjaman/tukar sementara.
22. Kelulusan kemudahan TPKLN hendaklah dicatat dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai.

PEMBATALAN

23. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2015 dan Surat Edaran JPA rujukan JPA.SARAAN(S)133/8/3 Jld.14 (29) bertarikh 5 November 2020 dibatalkan.**

TARIKH KUAT KUASA

24. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.

TERHAD

PEMAKAIAN

25. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

PUTRAJAYA

6 Disember 2024

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

JADUAL 1: CONTOH PENGIRAAN TEMPOH KELAYAKAN

Contoh 1:

Pegawai menjalankan tugas secara berterusan di gred yang melayakkan kemudahan TPKLN

Tarikh	Tempoh	Perkara	Kelayakan
1 Februari 2025 hingga 31 Januari 2026	1 tahun	Pemangkuan ke Gred Utama A (Gred hakiki : Gred Utama B)	Layak TPKLN kali pertama setelah 28 hari berturut-turut melaksanakan tugas di gred pemangkuan (Gred Utama A).
1 Februari 2026 hingga 31 Julai 2027	2 tahun 6 bulan	Naik pangkat ke Gred Utama A	Layak TPKLN kali pertama jika masih belum diberi mulai 1 Februari 2025.
1 Ogos 2027 hingga 31 Julai 2028	1 tahun	Pemangkuan ke Gred Turus III	Layak TPKLN kali pertama jika masih belum diberi mulai 1 Februari 2025.
1 Ogos 2028 hingga 5 Februari 2031	2 tahun 5 bulan 5 hari	Naik pangkat ke Gred Turus III	Layak TPKLN kali pertama jika masih belum diberi mulai 1 Februari 2025 hingga 31 Januari 2030. Sehari selepas tarikh ini, Jabatan perlu kemukakan borang permohonan kepada pelulus untuk pertimbangan. Layak kali kedua bermula pada 1 Februari 2030.
6 Februari 2031	-	Bersara	Tamat kelayakan. Jika pegawai tidak kemukakan permohonan bagi kelayakan kali kedua, Jabatan perlu kemukakan borang permohonan kepada pelulus untuk pertimbangan.

Kelayakan kali pertama

Kelayakan kali kedua

TERHAD

Contoh 2:

Pegawai menjalankan tugas tidak secara berterusan di gred yang melayakkan kemudahan TPKLN

Tarikh	Tempoh	Perkara	Kelayakan
1 Februari 2025 hingga 31 Januari 2026	1 tahun	Peminjaman/ tukar sementara ke Gred Utama A (Gred hakiki : Gred Utama B)	Layak TPKLN kali pertama setelah 28 hari berturut-turut melaksanakan tugas di gred peminjaman/tukar sementara (Gred Utama A).
1 Februari 2026 hingga 31 Januari 2027	1 tahun	Balik ke gred hakiki	Tamat kelayakan kali pertama. Jika pegawai tidak kemukakan permohonan semasa peminjaman/tukar sementara, Jabatan perlu kemukakan borang permohonan kepada pelulus untuk pertimbangan, sehari selepas tamat peminjaman/ tukar sementara.
1 Februari 2027 hingga 31 Julai 2028	1 tahun 6 bulan	Pemangkuan ke Gred Utama A	Masih dalam tempoh kelayakan kali pertama.
1 Ogos 2028 hingga 24 Mac 2032	3 tahun 7 bulan 24 hari	Naik pangkat ke Gred Utama A	Masih dalam tempoh kelayakan kali pertama sehingga 31 Januari 2031. Layak kali kedua bermula pada 1 Februari 2031.
25 Mac 2032		Bersara	Tamat kelayakan. Jika pegawai tidak mengemukakan permohonan bagi kelayakan kali kedua, Jabatan perlu kemukakan borang permohonan kepada pelulus untuk pertimbangan.

Kelayakan kali pertama

Kelayakan kali kedua

Tempoh tidak layak

TERHAD

LAMPIRAN B

CONTOH PENGIRAAN BAYARAN PERBEZAAN TAMBANG

Had Tambang: Harga Tambang Penerbangan *Malaysia Airlines (Market Fare)* Kuala Lumpur-London-Kuala Lumpur Kelas Satu/setara bagi pegawai = RM37,470.00

Contoh 1 (Pembelian diuruskan oleh Jabatan):

Penerbangan: Kuala Lumpur-London-Kuala Lumpur

- | | | | |
|-------|---|---|--------------|
| (i) | Harga tambang sebenar ke destinasi KL-London-KL mengikut kelayakan Kelas Satu/setara (<i>Market Fare</i>) | = | *RM37,470.00 |
| (ii) | Harga pembelian tambang penerbangan yang diturunkan ke Kelas Perniagaan (pembelian diuruskan oleh Jabatan) | = | RM27,324.00 |
| (iii) | Jumlah perbezaan yang boleh dibayar kepada pegawai | = | RM10,146.00 |

Contoh 2 (Pembelian diuruskan oleh Jabatan):

Penerbangan: Kuala Lumpur-Sydney-Kuala Lumpur

- | | | | |
|-------|---|---|--------------|
| (i) | Harga tambang sebenar ke destinasi KL-Sydney-KL mengikut kelayakan Kelas Satu/setara (<i>Market Fare</i>) | = | *RM24,138.00 |
| (ii) | Harga pakej pelancongan (pembelian diuruskan oleh Jabatan) | = | RM19,550.00 |
| (iii) | Jumlah perbezaan yang boleh dibayar kepada pegawai | = | RM4,588.00 |

* Kadar semasa *Market Fare* berdasarkan kelas yang tertinggi dalam *Malaysia Airlines* pada tarikh penerbangan.

TERHAD

Contoh 3 (Pembelian diuruskan oleh Jabatan):

Penerbangan: Kuala Lumpur-Buenos Aires-Kuala Lumpur

(i)	Harga tambang sebenar ke destinasi KL-Buenos Aires-KL mengikut kelayakan Kelas Satu/setara (<i>Market Fare</i>)	=	*RM39,900.00
(ii)	Harga tambang penerbangan dengan harga promosi (pembelian diuruskan oleh Jabatan)	=	RM31,500.00
(iii)	Had tambang mengikut kelayakan pegawai (Harga tambang sebenar ke destinasi KL-London-KL bagi Kelas Satu/setara (<i>Market Fare</i>))	=	*RM37,470.00
(iv)	Jumlah perbezaan yang boleh dibayar kepada pegawai (RM37,470.00 – RM31,500.00)	=	RM5,970.00

Contoh 4 (Pembelian diuruskan sendiri oleh pegawai):

Penerbangan: Kuala Lumpur-Buenos Aires-Kuala Lumpur

(i)	Harga tambang sebenar ke destinasi KL-Buenos Aires-KL mengikut kelayakan Kelas Satu/setara (<i>Market Fare</i>)	=	*RM39,900.00
(ii)	Harga tambang penerbangan dengan harga promosi (pembelian diuruskan oleh pegawai dengan mendahulukan wang sendiri)	=	RM31,500.00
(iii)	Had tambang mengikut kelayakan pegawai (Harga tambang sebenar ke destinasi KL-London-KL bagi Kelas Satu/setara (<i>Market Fare</i>))	=	*RM37,470.00
(iv)	Jumlah perbezaan yang diambil kira untuk pembayaran	=	RM5,970.00
(iv)	Jumlah keseluruhan yang dibayar kepada pegawai	=	RM37,470.00

* Kadar semasa *Market Fare* pada tarikh penerbangan.

Nota:

Pengiraan adalah berdasarkan kelayakan pegawai dan ahli keluarga yang layak. Bagi ahli keluarga yang berkelayakan Kelas Ekonomi, harga tambang adalah berdasarkan harga semasa tambang Kelas Ekonomi.

TERHAD

LAMPIRAN C

JADUAL KELAYAKAN BAGI PEMBERIAN TPKLN DALAM BENTUK
WANG TUNAI APABILA PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM
PERKHIDMATAN YANG MELAYAKKAN

Bil.	Status Pegawai Pada Tarikh Pegawai Meninggal Dunia	Kadar Kelayakan Yang Diterima Waris		
		Pegawai	Isteri/Suami	*Anak
1.	Pegawai tidak mempunyai ahli keluarga atau semua ahli keluarga pegawai meninggal dunia sebelum atau pada tarikh yang sama dengan tarikh kematian pegawai	√	X	X
2.	Isteri/suami dan anak pegawai masih hidup	√	√	√
3.	Isteri/suami pegawai masih hidup dan anak pegawai meninggal dunia sebelum atau pada tarikh yang sama dengan tarikh kematian pegawai	√	√	X
4.	Isteri/suami pegawai meninggal dunia sebelum atau pada tarikh yang sama dengan tarikh kematian pegawai dan anak pegawai masih hidup	√	X	√

Nota:

* sekiranya terdapat anak yang masih hidup, maka kelayakan anak yang masih hidup masih boleh diambil kira, tertakluk kepada maksimum tiga orang anak yang layak

√ kelayakan diambil kira

X kelayakan tidak diambil kira

TERHAD

LAMPIRAN D

[Borang JPA(BGE)/TPKLN]

PERMOHONAN TAMBANG PERCUMA KE LUAR NEGERI (TPKLN)
(Untuk Pegawai Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A dan ke atas, serta setaraf)

Kemudahan yang dituntut: (tandakan ✓)

- | | |
|--------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | 1. TPLKN dalam bentuk tiket penerbangan |
| <input type="checkbox"/> | 2. TPKLN dalam bentuk wang tunai |

1. Nama pegawai:.....
2. Gred/Pangkat: 3. No. K/P:
4. Tarikh kelayakan bermula:..... hingga.....
5. Tarikh terakhir kemudahan diluluskan:
(bagi permohonan kali ke-2 atau lebih)
6. Tarikh perjalanan (jika berkaitan): hingga.....
7. Ahli keluarga yang layak:

Bil.	Nama	Pertalian	Tarikh Lahir	[Bagi kemudahan (1) sahaja] Tandakan (✓) jika menyertai pegawai ke luar negeri
i)		Suami/isteri	-	
ii)		Anak 1		
iii)		Anak 2		
iv)		Anak 3		

TERHAD

Pengakuan

Saya mengaku bahawa semua butir-butir di atas adalah benar. Sekiranya saya menggunakan TPKLN dengan tiket penerbangan saya akan menyerahkan segala keratan tiket penerbangan sekembalinya saya dan ahli keluarga dari lawatan tersebut sebagai bukti perjalanan telah benar-benar dilakukan.

Tarikh :

.....
Tandatangan pemohon
(pegawai/waris)

Untuk kegunaan pejabat

Permohonan diperakukan seperti berikut: (tandaikan ✓)

(1) TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan

(a) Had tambang *market fare* KL/London/KL RM _____

(b) Harga tambang penerbangan (*market fare*) ke destinasi (tidak melebihi had tambang) mengikut kelas kelayakan RM _____

(c) Harga tambang penerbangan/pakej pelancongan yang lebih murah: RM _____

Pembelian oleh Jabatan

Pembelian oleh pegawai

Jumlah yang dibayar kepada pegawai : RM _____

atau,

TERHAD

(2) TPKLN dalam bentuk wang tunai

- (a) Kadar pegawai RM 32,000.00
 - (b) Kadar isteri/suami [RM32,000.00] RM _____
 - (c) Kadar anak [_____ x RM6,000.00] RM _____
(bilangan)
- Jumlah yang dibayar kepada pegawai : RM _____

KELULUSAN

Permohonan ini diluluskan/tidak diluluskan.

Catatan:.....

Tarikh kelulusan :

Tandatangan Pelulus

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

1. Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap dan kemas kini;
2. Salinan sah Surat Nikah dan Sijil Kelahiran bagi ahli keluarga layak atau verifikasi melalui sistem HRMIS; dan
3. Sebut harga tambang perjalanan atau pakej pelancongan mengikut prosedur kewangan serta jadual penerbangan, dari agen perjalanan yang dibenarkan jika memilih TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan.